

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 24 Julai 2016 16:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERI MESEJ YANG JELAS



24 JULAI 2015 / 19 SYAWAL 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MESYUARAT ATM BERI MESEJ YANG JELAS



ANJUNG TAMU ONLINE: Malaysia melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan tiga cabang perkhidmatannya iaitu udara, laut dan darat bagi membincangkan beberapa agenda utama dalam mesyuarat koordinasi eksekutif yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre baru-baru ini.

Delegasi yang di sambut oleh Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) Jabatan Canselori, Muzamil Mahmud serta Welcome Centre turut memberi penjelasan ringkas mengenai UUM di rimba hijau kepada ketua delegasinya, Assisten Ketua Staf J7 Markas Angkatan Bersama Laksamana Pertama Dato' Muhammad Ridzwan Abdul Rahman.

Namun, ATM menyifatkan tempat mesyuarat yang dipilih sememangnya harmoni bersesuaian dengan agenda untuk berkongsi kepakaran dalam program Joint Combined Exercise Thailand-Malaysia (JCEX Thamal) yang sedang diatur rancang.

“Satu sambutan yang meriah”, kata Laksamana Dato’ Ridzwan.

Penglibatan pasukan tentera darat, udara dan laut sekali gus memberi mesej yang jelas bahawa UUM sebagai lokasi yang bakal menyaksikan program berimpak besar kepada negara. Bahkan, satu pasukan yang perlu berganding bahu bagi menjayakan eksekusi tersebut. Hadir sama, PALAPES UUM, Lt. Kol. Faridon Saad, Jabatan Keselamatan, Lt. Kol Musa Bari, Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah, pegawai ATM dan pegawai UUM.

Terima Kasih kepada ATM yang sentiasa bersatu menghadapi semua cabaran dalam memelihara keamanan dan kestabilan negara.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

